

Jun 2009

Jangan Lupa Pada Keselamatan Di Masa Keperitan Ekonomi



Hampir semua negara mengalami krisis ekonomi pada masa ini. Jualan dan keuntungan menurun dan banyak syarikat mengalami kerugian. Kadar operasi pengeluaran loji diturunkan dan ada yang dihentikan terus. Keuntungan yang menurun boleh menyebabkan pihak syarikat mengurangkan kos operasi, termasuk mengurangkan pekerja. Keperitan menghentikan dan memulakan (*shutdown and startup*) operasi loji atau mengurangkan kadar pengeluaran boleh memberi kesan terhadap keselamatan dan tekanan (*stress*) kepada kakitangan. Tekanan kerja boleh menyebabkan kakitangan memberi kurang perhatian kepada butiran dan prosedur tugas dan akhirnya melakukan kesilapan. Di sebalik keperitan ekonomi yang dialami, pihak pengurusan dan pekerja mesti terus memberi perhatian kepada aspek keselamatan. Pastikan program latihan dan aktiviti penyelenggaraan tidak diabaikan. Sebarang keputusan untuk mengurangkan jumlah kakitangan atau pekerja harus dijalankan melalui proses "*management of change*" dan tidak menjejaskan aktiviti keselamatan kritikal (*safety critical activities*).

Walau dalam keadaan ekonomi merudum, perbelanjaan untuk keperluan proses keselamatan (*process safety*) mesti dikekalkan. Syarikat perlu membuat pertimbangan dalam setiap keputusan untuk memastikan keselamatan pekerja, pihak kontraktor, dan komuniti dipelihara. Dalam masa jangka panjang, syarikat yang terus melabur di dalam aspek keselamatan akan menikmati hasilnya pada masa hadapan.

-- John Bresland, Pengerusi, United States Chemical Safety and Hazard Investigation Board

Apa Yang Boleh Anda Lakukan?

- Kekalkan penekanan terhadap nilai dan standard keselamatan semasa keperitan ekonomi ini. Tumpuan terhadap aspek keselamatan proses (*process safety*) mesti dikekalkan dalam sebarang keadaan.
- Fahami apakah aktiviti keselamatan kritikal di tempat kerja anda, dan pastikan ianya tidak terjejas oleh tekanan ekonomi.
- Semasa operasi pengeluaran loji pada tahap rendah atau dihentikan ini, cuba cadangkan sebarang peluang untuk kerja penyelenggaraan, pengubahsuaian dan pembaikan berkaitan keselamatan yang boleh dilakukan.
- Maklumkan kepada pihak pengurusan jika ada aktiviti keselamatan kritikal yang terjejas disebabkan langkah pengurangan kos operasi. Keputusan mungkin yang telah dibuat tanpa menyedari kesannya terhadap keselamatan.
- Gunakan proses "*management of change*" untuk menilai dan mengenal pasti kesan daripada pertukaran atau pengubahsuaian terhadap jumlah kakitangan, jadual operasi, kadar operasi/pengeluaran, dan lain-lain langkah pengurangan kos yang dilakukan pada loji.

***Jangan benarkan keperitan ekonomi jangka pendek
 merosakkan keselamatan jangka panjang!***

AIChE © 2008. Hak Milik Terpelihara. Penerbitan semula untuk tujuan pendidikan adalah digalakkan. Walau bagaimana pun, terbitan semula untuk jualan oleh pihak selain CCPS adalah dilarang. Sila hubungi CCPS ccps_beacon@aiche.org atau 212-591-7319